

28 FEB 2000

UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU TIDAK CALONKAN SESIAPA, KATA PM

ALOR SETAR, 28 Feb (Bernama) -- UMNO Bahagian Kubang Pasu seperti biasa tidak akan menamakan calon bagi merebut jawatan yang dipertandingkan pada pemilihan UMNO Mei ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO dan Ketua UMNO Bahagian Kubang Pasu berkata, keputusan itu adalah bagi mengelak timbulnya tanggapan bahawa calon berkenaan dipilih atas kehendak presiden parti.

Beliau berkata demikian kepada pemberita sebelum berlepas pulang ke ibu negara dari lapangan Terbang Sultan Abdul Halim Kepala Batas, dekat sini, setelah melakukan lawatan kerja sehari ke negeri ini.

Katanya, UMNO Bahagian Kubang Pasu juga menerima nasihat Majlis Tertinggi (MT) parti untuk tidak menyokong pertandingan bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Parti pada pemilihan itu.

UMNO Bahagian Kubang Pasu setakat ini belum lagi menetapkan tarikh bagi mengadakan mesyuarat perwakilannya.

-- BERNAMA

MAN JM NMO